



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**24 SEPTEMBER 2024 (SELASA)**

# MAHA 2024 Labuh Tirai Penuh Gemilang dan Kenangan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	24 Sept

## MAHA 2024 labuh tirai penuh gemilang dan kenangan

Oleh **IZWAN ROZLIN**  
**SERDANG**


**P**ameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang berlangsung bermula 11 hingga 22 September menawarkan 48 segmen merangkumi pelbagai bidang pertanian, teknologi dan inovasi.

Beberapa segmen utama termasuklah *Kingdom of Fruit*, Laman Sayur dan Herba, Laman Perikanan, Laman Ternakan dan Laman Mekanisasi.

Setiap segmen ini direka untuk memenuhi minat dan keperluan khusus yang lebih luas meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantaian nilai agro makanan.

Penganjuran MAHA 2024 turut dimeriahkan dengan 14 Paviliun Negeri termasuk satu dari Wilayah Persekutuan, masing-masing menampilkan budaya, makanan, dan produk tempatan negeri tersebut.

Setiap paviliun direka dengan ciri-ciri kenegerian yang unik, menawarkan pelbagai produk agromakanan, usahawan industri kecil dan sederhana (IKS), serta pameran budaya dan seni tradisional.



1. Paviliun@Laman Padi memenangi Anugerah Paling Interaktif.
2. Orang ramai berpeluang menunggang kuda.
3. Pengalaman memancing udang.
4. Ketua Pengarah LKIM, Hamdan Mamat ketika berada di tarikan baharu MAHA 2024, Floating Market.
5. Lembu sado jadi tarikan utama di Laman Ternakan.
6. Kanak-kanak berpeluang bergambar bersama maskot.
7. Pelbagai jenis sayur-sayuran ditanam secara tergantung di Laman Sayur dan Herba.
8. Usahawan mempromosikan produk keluaran masing-masing.
9. Persembahan kebudayaan di Paviliun Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).





## Geng Sado Sudah Balik, Ramai Ucap Terima Kasih

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
KOSMO! Online	Negara	Online	23 Sept



Tangkap layar lembu dan kerbau 'sado' yang dibawa sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024.

PETALING JAYA – Orang ramai mengucapkan terima kasih kepada penternak yang membawa haiwan ternakan khususnya lembu dan kerbau 'sado' sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024.

Rata-rata meluahkan penghargaan tersebut susulan perkongsian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPN) di Facebook, hari ini.

"Terima kasih MAHA 2024. Seronok sangat dapat tengok macam-macam jenis baka

lembu," kata Riz.

"Dua kali saya datang MAHA tahun ini. Anak-anak seronok betul. Terima kasih," ujar Aimi Aziz.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat. Tahun ini paling best rasanya. Semoga ada rezeki untuk datang lagi selepas ini," jelas Wawa.

Sementara itu, JPN berkata, ia bukanlah suatu tugas yang mudah dan memerlukan usaha dan tenaga yang banyak untuk mengangkut kesemua haiwan ternakan

itu.

“Tapi demi pengunjung, mereka sanggup datang dari jauh untuk anda.

“Terima kasih semua kepada abang-abang dan kakak-kakak penternak yang sudi memeriahkan pameran ruminan tahun ini,” katanya.

MAHA 2024 yang berlangsung bermula 11 September lalu melabuhkan tirainya semalam dengan merekodkan 5 juta pengunjung secara keseluruhan.–  
[KOSMO!ONLINE.](#)

## Pusat Pemprosesan Najis Ternakan Atasi Pencemaran Sungai Kereh Perlu Disegerakan

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
My Metro	Mutakhir	Online	23 Sept



Datuk Seri S Sundarajoo ditemui media ketika melihat pencemaran Sungai Kereh. FOTO Danial Saad

Tasek Gelugor: Kerajaan Pulau Pinang akan mengadakan perbincangan berhubung cadangan pembinaan pusat pemprosesan najis ternakan di Kampung Selamat, di sini, dalam usaha mengatasi masalah pencemaran Sungai Kereh ekoran pelepasan sisa babi dekat situ.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Alam Sekitar Pulau Pinang, Datuk Seri S Sundarajoo berkata, beliau menerima banyak aduan daripada penduduk setempat mengenai masalah yang berlaku termasuk isu pencemaran Sungai Kereh

menjadi topik hangat yang dibahaskan ketika sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) lalu.

Berikutan itu, katanya pusat pemprosesan najis ternakan terbabit bukan lagi satu pilihan tetapi ia adalah keperluan yang perlu disegerakan kerana ia bukan saja dapat mengatasi masalah pencemaran, malah sisa dilepaskan dapat diproses menjadi gas dan seterusnya membekalkan tenaga elektrik yang dapat menjana ekonomi.



"Di sini, kita bukan nak menyusahkan cara hidup atau perniagaan penternak (babi) malah kita nak bantu mereka menjalankan perniagaan secara profesional dengan tidak mencemarkan sungai.

"Ia adalah dengan cara membina sistem biogas (pusat pemprosesan najis ternakan) yang mana ia tidak akan menyalurkan sisa-sisa pembuangan (najis) terus ke sungai.

"Pada peringkat permulaan, kita akan bawa (cadangan) ke dalam mesyuarat Exco terlebih dulu pada minggu ini, kemudian akan bincang hala tuju dengan semua jabatan berkaitan (bagi pelaksanaan projek ini)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di ladang ternakan dan penyembelihan babi sebelum ke lokasi pencemaran Sungai Kereh, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Norazizi Adinan dan Ketua Bahagian Regulatori Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) negeri, Dr Tishrin Muhammad Ismail.

Untuk rekod, terdapat 130,000 ekor babi di 61 ladang ternakan di Kampung

Selamat yang beroperasi lebih 40 tahun.

Sementara itu, Dr Tishrin berkata, kesemua ladang itu mematuhi piawaian minimum apabila penternak menggunakan kolam penapisan untuk membersihkan sisa sebelum dilepaskan.

"Sebenarnya semua penternak memberi sokongan penuh dan ternanti-nantikan pembinaan pusat pemprosesan najis ternakan ini.

"Komitmen ini ditunjukkan apabila mereka (penternak) menandatangani persetujuan pembinaan sistem ini dalam usaha menyelesaikan isu (pencemaran) yang berlaku," katanya.

Media pada 2021 melaporkan kajian saintifik sebuah makmal bebas mendedahkan pencemaran Sungai Kereh yang berlarutan sejak 40 tahun lalu berpunca daripada pelepasan najis babi dari Kampung Selamat di sini.

Analisis kualiti air di sungai itu dilakukan makmal bebas hasil inisiatif pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Pertubuhan Lestari Khazanah Alam Pulau Pinang (LEKAS) dan Badan Bertindak Bantah



## Pulau Pinang Cadang Bina Pusat Proses Najis Ternakan Di Kampung Selamat

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
Sinar Harian	Edisi: Utara	Online	23 Sept



Sundarajoo meninjau keadaan Sungai Kereh yang tercemar akibat sisa penternakan babi.

TASEK GELUGOR - Kerajaan negeri Pulau Pinang bercadang untuk membina pusat pemprosesan najis ternakan di Kampung Selamat bagi mengatasi isu pencemaran di Sungai Kereh di sini.

Exco Perumahan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri S Sundarajoo berkata, cadangan pembinaan pusat itu akan dibawa pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang akan bersidang pada Rabu ini.

Menurutnya, pembinaan pusat pemprosesan najis ternakan itu

perlu berikutan pihaknya menerima banyak rungutan berkaitan pencemaran sungai yang berlaku selain ia selalu dibangkitkan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum ini.

"Cadangan ini adalah langkah penting untuk mengurangkan pembuangan sisa penternakan terus ke sungai.

"Ini bukan lagi pilihan tetapi satu keperluan. Kita perlu bertindak segera untuk menyelamatkan Sungai Kereh dan memastikan



penternak di kawasan ini menjalankan perniagaan secara profesional dan bertanggungjawab,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan pada Isnin.

Sundarajoo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai meluangkan masa lebih dua jam meninjau ladang ternakan dan pusat penyembelihan babi di Kampung Selamat sebelum bergerak ke Sungai Kereh untuk melihat keadaan pencemarannya.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri, Norazizi Adinan.

Mengulas lanjut, Sundarajoo berkata, pusat pemprosesan najis ternakan itu bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah pencemaran tetapi juga berpotensi menghasilkan gas dan elektrik yang akan memberi manfaat ekonomi kepada penduduk.

Sementara itu, Ketua Bahagian Regulatori Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang, Dr Tishrin Muhammad Ismail berkata, terdapat 61 ladang babi dengan 130,000 jumlah ternakan sekitar Kampung Selamat yang telah beroperasi lebih 40 tahun.

Beliau berkata, semua

penternak memberi sokongan penuh untuk pembinaan pusat pemprosesan najis ternakan agar usaha holistik kerajaan negeri serta agensi berkaitan menangani isu pencemaran tercapai.-[SINARHARIAN](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR